

Busuk angkara sisa ternakan keli

Penduduk Kampung Sungai Chik tertekan berdepan pencemaran bau

ULU YAM - Penduduk sekitar Kampung Sungai Chik, tertekan kerana terpaksa menghidu bau busuk akibat longkang yang didakwa mengalirkan sisa ternakan keli.

Penduduk, Jaafar Mohd, 40 berkata, pencemaran bau menjadi semakin teruk ketika musim hujan.

"Kalau hujan lebat, bau yang datang dari longkang tu makin kuat sampai penduduk di sini rasa tak selesa."

"Walaupun jalan itu hala ke kebun sayur, tapi kalau ada yang lalu di situ pasti rasa tak selesa."

"Sampaikan air kolam pun berubah warna gelap akibat pencemaran bahan buangan ikan keli itu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Shuhaip Hussain berkata, kolam ternakan ikan keli itu sudah wujud sejak lima tahun lalu.



Shuhaip menunjukkan longkang yang berubah warna hijau akibat sisa buangan kolam ikan keli.

"Punca longkang busuk dan berubah warna tu memang dari kolam ikan keli. Mereka akan buka air kolam yang kotor dan alirkan di longkang."

"Perkara ni tak patut berlaku se-

bab longkang itu akan terus menghala ke sungai dan ada penduduk guna punca air sungai untuk kegunaan harian," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Majlis Hulu Selangor, Low Choon Yong berkata, pihaknya masih belum menerima sebarang aduan berhubung perkara itu.

"Terima kasih kerana memberi info ini kepada saya."

"Saya akan turun padang dan melihat sendiri masalah ini," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga sudah membuat laporan kepada Jabatan Pengairan Selangor (JPS) dan akan memaklumkan kepada Majlis Daerah Hulu Selangor untuk tindakan selanjutnya.



Keadaan longkang yang tercemar.